

BAB 3

BANDARAYA KUALA LUMPUR

3.1 Sejarah Kuala Lumpur.

Lebih kurang 12 dekad yang lalu, Kuala Lumpur hanyalah sebuah pekan kecil. Kemudian ia telah bertukar corak menjadi sebuah bandar terbesar di Malaysia. Bandar ini berkembang pesat dan penting sebagai pusat pentadbiran, diplomatik, perniagaan, kewangan, pengajian dan agama rasmi.

Bandar Kuala Lumpur di kenali sebagai Perbandaran Ibukota semenjak 1hb. April 1961 dan pentadbirannya ialah sebagai sebuah perbadanan tunggal. Ia mempunyai kuasa otonomi dalam hal-hal pentadbiran dan juga hal-hal kewangan.

Secara ringkas, sejarah bandar ini bermula dalam pertengahan kurun masihi yang ke 19. Ketika Semenanjung Tanah Melayu terkenal sebagai pengeluar bijih timah dan kawasan-kawasan melombong tertumpu di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Kawasan melombong di negeri Selangor telah di buka dalam tahun 1887 dan

pengkalan perniagaannya terletak di kuala Sungai Gombak dengan Sungai Kelang. Tempat ini di namakan Kuala Lumpur. Di sinilah tempat untuk memperdagangkan bijih yang telah dilombong untuk dihantar ke luar negeri. Jumlah lombong-lombong bijih, lama kelamaan telah bertambah banyak dibuka, maka Kuala Lumpur menjadi tumpuan orang ramai dan pengkalan perdagangannya pun berkembang menjadi bertambah besar. Pada tahun 1878, penduduk bandar ini dilaporkan seramai lebih kurang 2,000 orang.

Pada tahun 1880, Kerajaan Negeri Selangor telah memindahkan ibu negerinya dari Kelang ke Kuala Lumpur. Pada tahun 1885 pula, Kuala Lumpur menjadi ibu persekutuan kepada negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Pada tanggal 1hb. Februari 1948, ia menjadi sebagai ibu negara Persekutuan Tanah Melayu. Kuala Lumpur seterusnya telah menjadi ibu kota Malaysia dalam tahun 1963.

Kuala Lumpur terletak di dalam sebuah lembah dan dikelilingi oleh banjaran bukit setinggi 457.2 meter dan 822.96 meter dari aras laut dan lembah itu dikenali sebagai Lembah Kelang. Kedudukan Kuala Lumpur yang strategik di tengah-tengah Semenanjung Tanah Melayu memudahkan

Kuala Lumpur untuk dihubungi dari semua penjuru negara. Ibu pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan bertempat di Kuala Lumpur dan ibukota ini disifatkan sebagai pusat dan nadi negara.

Kuala Lumpur telah bertukar corak dari sebuah kawasan hutan belantara kepada sebuah bandar yang terbesar di Malaysia dalam masa lebih kurang 100 tahun. Pembangunan pesat di kawasan bandar mewujudkan peluang pekerjaan dan menarik penduduk-penduduk dari luar bandar serta pekerja-pekerja asing untuk datang beradu nasib di Kuala Lumpur. Maka tidak hairanlah kiranya Lembah Kelang ini menjadi tumpuan pendatang, kerana sumber rezeki mereka ada disini. Kedatangan pekerja-pekerja asing ini telah berlaku sejak lebih 100 tahun lamanya. Oleh itu fenomena pendatang ini bukanlah perkara baru bagi Malaysia.

3.2 Ekonomi Malaysia.

Taraf pembangunan ekonomi yang dicapai hingga kini, Malaysia tergolong sebagai negara membangun dan di antara negara membangun yang berpendapatan tinggi. Laporan tahunan 1996, Bank Negara Malaysia, menunjukkan pada tahun 1997(ramalan) keluaran negara kasar

(KNK) pada harga semasa bernilai RM 268,498 juta, manakala penduduk Malaysia dianggarkan berjumlah 21.6 juta orang. Berasaskan data tersebut dalam tahun 1997 pendapatan per kapita penduduk negara telah mencapai lebih kurang RM 12,393.

Kerajaan Malaysia terus berusaha untuk mambangunkan ekonomi negara demi meningkatkan kemakmuran yang tinggi yang kini tercapai. Berbagai usaha telah dilakukan, antaranya adalah menjaga kestabilan politik dan ekonomi. Walaupun Malaysia terdiri daripada berbagai golongan ethnik, persefahaman di antara kaum senantiasa dijaga agar tidak timbul pertentangan yang boleh menjaskan kestabilan politik dan ekonomi. Semenjak tahun 1987, kadar pertumbuhan negara telah mencapai purata lebih daripada 8.0 peratus setahun. Pada tahun 1997, ramalan yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia ialah 8.0 peratus. Kadar pertumbuhan negara sejak tahun 1993 hingga kini adalah di dalam kadar purata 8.6 peratus.

3.2.1 Penduduk.

Anggaran semasa, menyatakan bahawa penduduk negara telah meningkat dengan kadar purata sebanyak 2.7 peratus dalam masa 5 tahun dari 1991-1995. Penduduk pada tahun 1995 seramai 20.69 juta orang dan ramalan dari Bank Negara Malaysia bagi tahun 1997 ialah seramai 21.665 juta orang. Mengikut jadual 1 dalam Rancangan Malaysia ke 7, m/s 105, kadar purata penduduk pekerja asing di negara ini ialah 12.3 peratus setahun dan kadar ini adalah secara relatifnya agak tinggi berbanding dengan keseluruhan pertumbuhan penduduk negara. Dalam tahun 1990an peningkatan dalam bilangan pendatang asing dari luar negara adalah ketara kerana negara mengalami kekurangan buruh. Awal 1990an tumpuan pendatang asing ialah di lokasi Sabah, 40 peratus, Selangor 11 peratus, Johor 10.8 peratus, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 7.6 peratus dan selebihnya sebanyak 30.6 peratus terdapat di lain-lain negeri.

3.2.2 Guna Tenaga

Prestasi pertumbuhan ekonomi terus kukuh dan keadaan pasaran buruh dijangka terus ketat pada tahun 1997. Dengan jangkaan guna

tenaga akan bertambah pada kadar 2.6 peratus pada tahun 1997 berbanding 2.8 dan 2.7 peratus pada tahun 1995 dan 1996 (Business Monitor International Limited, Jun, 1995). Ekonomi negara masih lagi di dalam tahap guna tenaga penuh. Juga dapat dilihat bahawa kadar pengangguran berkurangan kepada 2.5 peratus berbanding 2.8 peratus dan 2.6 peratus dalam tahun 1995 dan 1996 (Buku Tahunan Perangkaan, Malaysia 1996). Dari kajian kerajaan baru-baru ini, masalah kekurangan tenaga buruh adalah dipersulitkan lagi oleh ketidakseimbangan di antara permintaan buruh dan penawaran buruh di pasaran dan juga pergerakan yang lembab ke arah meningkatkan kemahiran bagi menghadapi perubahan teknologi.

Struktur pasaran buruh akan berubah-ubah bergantung kepada strategi dan polisi negara. Bagi Malaysia, dalam tahun 70an, konsentrasi negara lebih tertumpu kepada sektor komoditi iaitu perladangan. Pada awal tahun 80an, di dalam era DEB juga telah mengubah haluan strategi kerajaan kepada perindustrian.

Setakat ini terbukti sektor perkilangan banyak memberi sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Sumbangan terhadap guna tenaga di dalam sektor perkilangan pada tahun 1995 ialah sebanyak 25.5 peratus

berbanding 24.6 peratus pada tahun 1994 (Laporan Ekonomi 95/96). Permintaan terhadap buruh dalam sektor ini meningkat sebanyak 9 peratus setahun (Rancangan Malaysia ke 7, 1996). Produktiviti buruh berdasarkan harga 1978, meningkat sebanyak 5.1 peratus setahun, dari RM11,870 di dalam tahun 1990 kepada RM15,200 dalam tahun 1995 berbanding dengan purata produktiviti buruh sepanjang tahun 1986-1990 iaitu 3.3 peratus. Pengeluaran atau output bagi seorang buruh dalam sektor perkilangan ialah RM19,410 dalam tahun 1995 iaitu purata pertumbuhan setahun sebanyak 3.9 peratus.

3.2.3 Struktur pasaran pekerjaan di Malaysia.

Keadaan corak semasa pasaran pekerjaan di Malaysia telah berubah di dalam masa sepuluh tahun iaitu di antara (1985-1995), perubahan dari keadaan pengangguran di dalam pertengahan tahun 80an kepada kekurangan pekerja mahir di dalam pertengahan tahun 90an. Di dalam tempoh ini, mengikut Dr. Lee Kiong Hock, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, pertumbuhan tenaga kerja di Malaysia meningkat dari 7.05 million kepada 8.14 million iaitu purata setahun

sebanyak 3 peratus. Manakala pertumbuhan pekerjaan baru adalah pada kadar 3.5 peratus iaitu sebanyak 2.3 million pekerjaan telah dihasilkan. Oleh itu, pengangguran telah jatuh dari 6.9 peratus kepada 2.8 peratus, yang mana telah menyebabkan kekurangan tenaga kerja.

Kajian dari segi upah di dalam ekonomi yang dijalankan setiap suku tahun oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER, Oktober/Disember, 1996), mendapati bahawa awal tahun 1997 besar kemungkinan kos upah dalam sektor pembuatan akan meningkat secara keseluruhan, sebanyak 64 peratus firma yang dikaji, menjangkakan kenaikan kos¹⁵. Walau bagaimanapun, kenaikan upah mesti diikuti oleh pertumbuhan di dalam produktiviti bagi memastikan keuntungan firma-firma tidak terjejas. Adalah menjadi kebimbangan sekiranya, kenaikan upah akan menaikkan kos buruh yang mana ini akan menyebabkan pelaburan asing mungkin akan terjejas oleh kos yang tinggi. Dalam belanjawan 1997, dalam tempoh 7 bulan pertama, kadar produktiviti negara ialah sebanyak 3.9 peratus sahaja, manakala kadar kenaikan upah

¹⁵ Mol Online, Job Street "Business Climate: Growth strong but output moderates (1995-1996)", The Edge Survey & Guide, March 97.

adalah sebanyak 8 peratus. Keadaan ini menyebabkan pasaran pekerjaan yang ketat.

Negara telah mencapai satu tahap di mana kita harus menyusun dan menguruskan sumber tenaga manusia dengan lebih cekap untuk menaikkan produktiviti bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mantap. Cabaran utama kerajaan ialah mengatasi keadaan kekurangan pekerja dan meningkatkan pekerja mahir. Kekurangan pekerja telah dirasai sejak 5 tahun dahulu. Oleh itu, kekurangan ini telah memaksa firma pembuatan beralih kepada penggunaan teknologi automasi. Perubahan di dalam struktur pasaran pekerjaan ini dapat dilihat di dalam pengambilan pekerja yang ramai di dalam bidang teknikal dan pekerja mahir di kilang-kilang.

3.2.4 Langkah kerajaan bagi menghadapi kekurangan pekerja.

Langkah-langkah yang di ambil oleh Kementerian Sumber Manusia dalam mengatasi kekurangan ini ialah¹⁶:

¹⁶ Malaysia Online, 1997: Dato' Anthony Yeo, Secretary General, Ministry of Human Resources,"Measures to overcome labor shortage problems in the 1990's."

- 1) Memanjangkan waktu lebih masa dari 64 jam kepada 104 jam sebulan.
- 2) Pengecualian ke atas pemegang kad pengenalan merah dari mendapatkan permit pekerjaan.
- 3) Memberi galakan kepada para majikan mencari lokasi yang mempunyai potensi pekerja yang ramai dan menaikkan upah serta membaiki syarat-syarat pekerjaan, tempat tinggal dan kemudahan pengangkutan bagi menggalakkan mobiliti pekerja.
- 4) Mengambil bahagian dalam kursus kemahiran dan peningkatan kemahiran.
- 5) Beralih kepada proses pengeluaran modal intensif, penggunaan robot dan automasi dan memastikan para pekerja mempunyai kemahiran bagi mengendalikan teknologi baru dan dalam masa yang sama dapat menghindarkan masalah pengangguran di masa akan datang.
- 6) Secara berperingkat keluar dari industri buruh intensif dan merelokasikan di luar negara. Pelaburan-pelaburan baru dalam projek buruh intensif tidak digalakkan.
- 7) Mempertingkatkan penceburan wanita dalam pasaran pekerjaan dengan menggalakkan para majikan menyediakan pusat asuhan kanak-kanak.

- 8) Mengurangan cukai akan dikenakan ke atas perbelanjaan di dalam penubuhan pusat tersebut.
- 9) Memperbaiki tingkat upah untuk menarik pekerja-pekerja mahir, para graduan dan profesional tempatan yang bekerja di luar negara.
- 10) Menggunakan kemudahan pertukaran pekerjaan Jabatan Tenaga buruh, Kementerian Sumber Manusia untuk mendapatkan sumber pekerja.
- 11) Undang-undang buruh akan dirombak agar lebih mudah bagi pekerja separuh masa dan mendapat kemudahan-kemudahan asasi yang sewajarnya.
- 12) Para majikan boleh menjalankan operasi di kawasan luar bandar bagi mendapatkan pekerja separuh masa. Setakat ini terdapat lebih kurang satu juta dari penduduk wanita masih belum lagi bekerja secara aktif.

3.2.5 Langkah kerajaan bagi menambahkan penawaran pekerja mahir.

Langkah-langkah Kementerian Sumber dan manusia dalam menangani masalah kekurangan penawaran pekerja mahir ialah¹⁷:

- 1) Menawarkan program latihan yang selari dengan industri dan syarikat di Institut Latihan Industri yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Buruh.
- 2) Menyediakan latihan kerja bagi pekerja baru untuk menyediakan mereka dari segi pengalaman kerja dan menghadapi suasana pekerjaan.
- 3) Membaiki pentadbiran dan kepekaan terhadap institut latihan bagi membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang aktif di dalam merancang keperluan latihan.
- 4) Mengemaskinikan taraf perdagangan dan merangka kurikulum di institut latihan vokasional supaya selari dengan jenis kemahiran yang diperlukan.
- 5) Membaiki informasi pasaran buruh dengan mengadakan siasatan, penyelidikan terhadap keperluan latihan dan pasaran buruh untuk memastikan program-program latihan ini adalah relevan.

¹⁷ Malaysia Online, 1997, Dato' Anthony Yeo, Former Secretary General, Ministry Of Human Resources, "Measures to increase the supply of skilled workers".

- 6) Menyediakan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) iaitu terdiri dari levi atau skim di mana untuk melatih semula dan menaikkan kemahiran pekerja yang sedang bekerja.
- 7) Merangka legislasi di dalam latihan vokasional kebangsaan bagi menguatkan kuasa Kolej Latihan Vokasional Kebangsaan.
- 8) Memperluaskan sistem pensijilan kemahiran melalui sistem akreditasi.
- 9) Menubuhkan sistem informasi latihan vokasional untuk memungut data mengenai program dan kemudahan latihan vokasional.
- 10) Menyebarluaskan informasi mengenai petunjuk kerjaya vokasional dan industri.

3.3 Kedudukan pendatang di Malaysia.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menganggarkan bilangan pekerja asing di Malaysia seramai 3 juta orang, jumlah ini termasuk yang tidak berdaftar. Jumlah bilangan pendatang asing yang berdaftar dari Julai 1992 - Januari 1997 ialah seramai 659,283 orang (Bahagian Sistem Maklumat dan Rekod, 1997, Jabatan Imigresen). Dari bilangan ini pekerja Indonesia adalah seramai 160,291 orang. Bilangan ini

tidak termasuk bilangan rakyat asing yang didaftarkan oleh majikan mereka sejak perlaksanaan Dasar Pemutihan dari bulan Ogos, 1996 - Disember, 1996 iaitu seramai 423,180 orang. Maka jumlah pendatang yang berdaftar sehingga Februari 1997 ialah seramai 1,082,462 orang di Semenanjung Malaysia. Manakala jumlah pendatang asing yang masuk secara haram di anggarkan 2 kali ganda dari jumlah yang berdaftar.

Warga Bangladesh dan Indonesia yang menyeludup masuk ke Malaysia menggunakan penyeludup buruh dan bot. Kos yang ditanggung pendatang Bangladesh untuk menyeludup masuk melalui selatan Thailand ke Malaysia adalah sebanyak US\$500, manakala warga Indonesia yang menggunakan bot untuk menyeberangi Selat Melaka sejauh 20 batu dari Sumatra ke Semenanjung adalah sebanyak US\$10. Walau bagaimanapun bagi kedua-dua warganegara ini, sekiranya menaiki bot ikan atau nelayan, kos purata yang mereka bayar ialah sebanyak US\$1,000.

Warga Indonesia adalah buruh asing yang teramai sekali di Malaysia, iaitu dengan kadar 61 peratus dan diikuti oleh buruh Bangladesh, 24.3 peratus, Filipina 7.36 peratus dan Thailand 6.23 peratus. Pekerja Indonesia ramai tertumpu di sektor-sektor ladang, 35 peratus, binaan 31 peratus dan pembantu rumah 25 peratus. Manakala pekerja

Bangladesh pula majoritinya di sektor perkilangan, 47.6 peratus, binaan 27.8 peratus dan ladang 20.1 peratus (Bahagian Sistam Maklumat dan Rekod, 1997, Jabatan Imigresen).

Menurut Encik P. Arunasalam, Setiausaha Agong Gabungan Pekerja-pekerja Industri Elektrik (EIWU), bagi tahun 1994 sahaja seramai 1 juta pekerja asing telah menghantar pulang wang berjumlah US\$960 juta (RM 2.4 billion). Tambahan daripada itu, menurut Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak, bagi tahun 1996 telah dianggarkan pengiriman wang keluar oleh pekerja asing berjumlah RM 2.5 bilion (Berita Harian, Jumaat, 22 Ogos, 1997). Sementara itu, berdasarkan kepada data jumlah penghantaran pulang pendapatan oleh pekerja asing melalui akaun pindahan imbangan pembayaran (Utusan Malaysia, 25/4/97), Datuk Dr. Affifudin Omar, Timbalan Menteri Kewangan melaporkan, pekerja asing di negara ini dianggarkan menghantar wang berjumlah RM3 billion setahun ke negara asal masing-masing. Pecahan yang boleh dibuat ialah 65 peratus dihantar pulang ke Indonesia, 25 peratus ke Bangladesh dan 7 peratus ke Filipina.

Program penghantaran pulang warganegara asing yang ditahan di pusat-pusat tahanan sementara, setakat ini telah menghantar seramai

69,753 pendatang tanpa izin sejak pelancaran Ops Nyah pada akhir tahun 1991 (Berita Harian Online, 27/2/1998).

3.3.1 Masalah-masalah sosial pekerja asing.

Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob (Mingguan Malaysia, 27/4/97), penghijrahan beramai-ramai rakyat asing ke Malaysia menimbulkan banyak masalah sosial. Penghijrah yang datang tanpa izin bukan sahaja datang untuk mencari rezeki malah telah melakukan kegiatan jenayah. Kes-kes jenayah di kalangan mereka sendiri turut meningkat.

Statistik dalam tahun 1995 (Migration News vol.3, #11, Nov. 1996), yang dikeluarkan oleh polis bagi jenayah serius ialah 10,623 kes dan dari jumlah tersebut 628 kes (6 peratus) dilakukan oleh pekerja asing. Kes jenayah ringan ialah sebanyak 70,798 kes dan 2,197 kes darinya (3 peratus) melibatkan pekerja asing. Sementara itu, 81,221 kes ialah jenayah kekerasan dan harta benda dan daripada jumlah tersebut 2,108 (2.6 peratus) dilakukan oleh warga asing (Mingguan Malaysia, 27/4/97). Manakala dalam kes bunuh pula, 25 peratus daripada 396 kes

telah membabitkan rakyat asing. Walau bagaimanapun, kes jenayah yang membabitkan pendatang asing tanpa izin ialah sebanyak 764 kes daripada 72,782 kes di sepanjang tahun 1995. Secara keseluruhannya kejadian jenayah yang melibatkan pendatang asing tanpa izin meningkat dari 1.01 peratus pada tahun 1994 kepada 2.6 peratus dalam tahun 1995. Walau bagaimanapun, pada tahun 1996, kes jenayah indeks yang melibatkan pendatang tanpa izin ialah sebanyak 2,019 kes atau 2.3 peratus dan pada tahun 1997 pula, hanya 1.32 peratus atau 1,599 kes jenayah indeks yang dilaporkan di seluruh negara yang membabitkan pendatang tanpa izin.

JADUAL 1A: KES JENAYAH INDEKS BAGI PENDATANG TANPA IZIN.

TAHUN	PERATUS KES JENAYAH INDEKS
1994	1.01
1995	2.6
1996	2.3
1997	1.32

Pengurangan kes membabitkan pendatang tanpa izin ini adalah hasil daripada kekerapan operasi yang dilakukan, termasuk Ops Nyah dan operasi pencegahan jenayah.

Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Affifudin Omar, kemasukan buruh asing sama ada secara sah mahupun tanpa izin memberikan kesan yang serius terhadap keadaan ekonomi, sosial dan politik Malaysia. Selain penglibatan pendatang ini dalam kes-kes jenayah, kawasan setinggan juga semakin meningkat dan merumitkan. Banyak kawasan-kawasan yang telah diterokai untuk dijadikan penempatan. Kesesakan serta permintaan untuk kemudahan asas seperti kesihatan juga semakin bertambah terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Sekolah-sekolah juga dipenuhi oleh anak-anak pendatang ini. Antara lain, kesan kemasukan pekerja asing bukan sahaja telah menambah kepadatan penduduk di bandar-bandar utama, malah ia turut memberi kesan kepada harga rumah serta kadar sewa.

Masalah penyakit berjangkit juga dikaitkan dengan pekerja asing. Persatuan Doktor-doktor menyalahkan kelemahan cara pemilihan pengambilan pekerja asing apabila berlakunya wabak penyakit berjangkit di pertengahan tahun 1996 di Malaysia. Tambahan lagi, ada laporan di dalam tahun 1994, menyatakan bahawa lebih 30 peratus dari pekerja asing di Malaysia mempunyai masalah kesihatan dan doktor-doktor di beberapa

buah negara asal mereka memalsukan keadaan kesihatan pekerja ini yang sebenarnya.

Kebanyakkan masalah penyakit berjangkit ini menular disebabkan oleh kecuaian beberapa pihak terutamanya pihak agensi buruh haram. Agensi ini hanya ingin mengaut keuntungan sahaja, perihal kesihatan pekerja diabaikan sama sekali walaupun keadaan kesihatan yang baik adalah salah satu kriteria pengambilan masuk pekerja asing. Calon pekerja asing yang tidak lulus pemeriksaan kesihatan, dikatakan oleh agensi ini sebagai sihat tubuh badan. Sekiranya masalah penyakit ini tidak dikawal ia boleh menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara seperti yang disuarakan oleh Persatuan Perubatan Malaysia.

Selain daripada masalah-masalah sosial yang telah disebutkan di atas, masalah moral juga banyak membabitkan pekerja asing iaitu kes khalwat dan kes pelacuran. Menurut Penolong Pengarah Bahagian Agama Negeri, Negeri Johor, Encik Abu Bakar, pekerja asing yang melakukan kerja maksiat ini adalah berbangsa Bangladesh dan Indonesia. Kes khalwat yang berlaku di Johor Bahru membabitkan pekerja asing ialah seramai 817 orang (70 peratus) daripada 1167 kes khalwat di Johor Bahru (Star, 25/11/96).

Lagi satu masalah ialah mengenai perkahwinan pendatang asing dengan wanita tempatan. Fokus dan kritikan banyak diberikan kepada pekerja berbangsa Bangladesh sebab perbezaan dari segi sosial dan kecenderungan mereka berkahwin dengan wanita tempatan. Selain daripada itu perkahwinan ini juga boleh dijadikan sebagai batu loncatan untuk mendapatkan permit kerja, warganegara dan kemudahan yang lain yang terbuka bagi warga Malaysia. Kerajaan juga takut banyak masalah rumah tangga akan timbul ekoran berkahwin dengan warga asing kerana mereka ini bakal pulang ke negara asal dan kebanyakannya sudah mempunyai keluarga di sana. Oleh itu, kemungkinan untuk si isteri ditinggalkan oleh suami adalah besar.

Walau bagaimanapun, di bawah undang-undang Malaysia, sesuatu perkahwinan akan diiktiraf sekiranya wanita bukan Islam berkahwin dengan lelaki Islam dan si isteri memeluk agama Islam. Dilaporkan seramai 241 orang lelaki asing tidak berdaftar telah mengahwini wanita orang asli. Ramai juga dilaporkan lelaki Bangladesh mengahwini wanita Hindu. Dalam tahun 1996, kerajaan Malaysia membenarkan wanita tempatan yang berkahwin dengan lelaki asing memohon supaya si suami mendapat taraf penduduk tetap di Malaysia. Walaupun begitu, menurut

Dato' Megat Junid, (Sunday Observer- Foreign News section, 29/9/96), kabinet telah memutuskan bahawa permit pekerja asing yang berkahwin dengan wanita tempatan termasuk orang asli, akan terbatal dan akan diminta meninggalkan negara ini bersama dengan isteri-isteri mereka. Begitu juga halnya dengan pekerja asing lelaki tidak mahir yang mempunyai permit kerja 6 bulan.

3.4 Reaksi rakyat terhadap pendatang asing.

Ekoran daripada kemasukan pendatang asing ke Malaysia, ia telah menimbulkan beberapa reaksi rakyat tempatan.

1) Perhubungan sosial masyarakat asing dengan masyarakat tempatan.

Bila perhubungan masyarakat asing dan tempatan dipertikaikan, maka kita perlu lihat dari segi perbezaan budaya, agama dan persekitaran serta cara hidup kedua-dua masyarakat. Tambahan pula, negara Malaysia mempunyai berbilang kaum, budaya dan agama. Oleh itu, mungkin pergeseran terjadi disebabkan oleh perbezaan-perbezaan ini.

Masyarakat asing yang menjadi tumpuan ialah bangsa Indonesia dan Bangladesh. Dari segi budaya memang ada perbezaan, tak banyak sedikit. Bagi bangsa Indonesia, budaya Melayu Malaysia dengan tempat asal mereka tidak jauh bezanya sebab mereka juga berada di dalam kepulauan Melayu. Begitu juga dengan warga Bangladesh, budayanya mungkin mirip kepada budaya India dan bangsa India di Malaysia telah merangkumi 10 peratus dari bilangan penduduk yang terdiri daripada 21 juta orang.

Pergeseran antara dua jenis masyarakat ini memang berlaku. Pada bulan September, 1996, telah dilaporkan ketegangan dan perkelahian di antara orang-orang kampung dan pekerja Bangladesh. Inciden ini melibatkan 70 orang Bangladesh dan berpuluhan orang kampung yang menyebabkan 7 orang Bangladesh mengalami kecederaan teruk. Kejadian ini berlaku di selatan Johor (Utusan Malaysia, 10/9/96).

Reaksi ketidakpuasan hati penduduk tempatan terhadap pendatang telah lama wujud. Malah sejak 10 tahun yang lalu, rakyat di Johor Bahru, membuat pungutan suara mengenai penglibatan bangsa Indonesia di dalam jenayah. Selain daripada itu, beberapa organisasi di Johor Bahru termasuk Persatuan Pengguna Johor mengadu kepada kerajaan supaya

memberhentikan kemasukan pendatang tanpa izin kerana kegiatan jenayah mereka ini telah membahayakan rakyat Malaysia. Antara lain ialah perkahwinan juga terjadi di kalangan wanita tempatan dengan warga asing. Ramai lelaki asing berkahwin dengan wanita orang asli, wanita Melayu dan juga wanita beragama Hindu.

Selain daripada itu, perebutan tempat untuk bermiaga di kawasan Pasar Malam juga menimbulkan masalah. Kebanyakan kawasan-kawasan pasar malam serta tempat bermiaga yang tidak berlesen menjadi perebutan di antara peniaga kecil tempatan dan peniaga pendatang asing ini. Maka, dari kacamata peniaga tempatan, pendatang ini telah mengganggu mata pencarian mereka. Tetapi bagi pendatang, ini adalah sebagai satu cara pencarian hidup mereka.

2) Kuasa rundingan persatuan jatuh.

Kongres Gabungan Perdagangan Malaysia (MTUC) tidak membantah akan kemasukan pekerja asing selagi kerajaan dapat memastikan masih ada lagi peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Menurut G. Rajasekaran, Setiausaha Agong kongres ini, kebanjiran pekerja asing menyentuh serba sedikit kuasa rundingan gabungan ini. Ini

boleh dilihat terutamanya dari pekerja-pekerja kilang, di mana kenaikan kadar upah dan taraf hidup adalah tidak sebanyak mana yang sepatutnya, walaupun ekonomi negara melonjak naik sejak 5 tahun yang lalu sehingga kini. Tambahnya lagi, perkara ini tidak akan berlaku sekiranya tiada kemasukan buruh asing kerana mekanisme penawaran dan permintaan di pasaran akan menaikkan kadar upah pekerja-pekerja tempatan.

3) Pekerja Malaysia lari mencari pekerjaan di tempat lain.

Kemasukkan buruh asing menjelaskan pergerakan kenaikan upah para pekerja terutamanya pekerja kilang. Kenaikan upah pekerja kilang di Malaysia tidak sejajar dengan kepesatan ekonomi Malaysia di bidang industri, maka pekerja kilang tempatan mencari pekerjaan di tempat lain. Seramai 60,000 orang rakyat Malaysia, berulang-alik setiap hari di sempadan Johor-Singapura untuk bekerja di Singapura. Ini adalah kerana bandingan kadar upah di Malaysia adalah jauh lebih rendah dari Singapura. Bayaran pekerja kilang di Singapura ialah sebanyak US\$380 (RM 950) sebulan berbanding US\$160 (RM400) sebulan untuk pekerjaan yang sama di Malaysia. Oleh itu berlakulah penghijrahan buruh dari

Malaysia sendiri walaupun Malaysia memerlukan pekerja separa mahir bagi pekerja industrinya.

4) Majikan mengaut keuntungan.

Walaupun ramai rakyat Malaysia tidak begitu senang hati dengan kehadiran pendatang asing tanpa izin tetapi ada juga pihak yang sempat mengaut untung dari kebanjiran pendatang asing ini. Ada majikan yang mengambil pekerja tidak berdaftar untuk bekerja. Ini adalah bagi mengelak dari membayar kos yang dikenakan oleh kerajaan terhadap setiap majikan yang mangambil pekerja asing. Pada tahun 1994, telah dilaporkan seramai 222 majikan tempatan ditahan kerana kesalahan melindungi pendatang tidak berdaftar, pada tahun 1995 seramai 109 orang majikan dan pada tahun 1996 pula seramai 87 orang (Utusan Malaysia, 26/1/97).

3.5 Reaksi kerajaan terhadap pendatang asing.

Reaksi kerajaan ke atas pekerja asing akhir-akhir ini adalah untuk cuba mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing supaya segala masalah yang timbul akibat kebanjiran mereka di sini dapat dibendung.

1) Kebajikan pekerja asing dijaga.

Bagi para pekerja asing yang sah dan berdaftar pihak kerajaan menjaga baik akan kepentingan pekerja ini supaya tiada eksloitasi berlaku. Kerajaan Malaysia tidak akan meluluskan permohonan majikan untuk pekerja asing sekiranya majikan tidak menyediakan tempat tinggal yang sesuai bagi pekerja asing ini. Selain daripada itu pekerja asing ini dilindungi oleh undang-undang buruh dan setiap majikan diwajibkan mengambil insuran bagi setiap pekerja mereka.

Dari segi bayaran upah, Bahagian Pengawal Upah Pekerja Asing mencadangkan supaya pekerja asing dibayar upah sekurang-kurangnya RM350 sebulan. Tindakan bagi memastikan tiada bayaran upah yang kurang, pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa. Menteri Sumber Manusia menegaskan kepada majikan supaya membayar upah yang berpatutan kepada pekerja-pekerja asing mereka.

2) Pengecualian dari menganggotai persatuan di Malaysia.

Pekerja asing tidak dibenarkan menjadi ahli mana-mana kesatuan sebab mereka hanya tinggal di negara ini buat sementara waktu sahaja. Tambahan pula mereka dilindungi oleh undang-undang buruh demi menjaga hak mereka. Selain daripada itu, pekerja tempatan akan berasa tidak puas hati sekiranya pekerja asing ini dibenarkan menyertai kesatuan di negara ini.

3) Penghantaran pulang ke negara asal.

Pekerja asing yang tidak berdaftar atau ditangkap atas kesalahan tiada mempunyai dokumen yang sah akan ditempatkan di kem-kem tahanan sementara sebelum dihantar pulang. Sepanjang tahun 1997, pendatang tanpa izin yang telah dihantar pulang ialah seramai 38,169 orang dan 35,000 daripada bilangan ini adalah warga Indonesia. Setakat ini terdapat 8 pusat-pusat tahanan sementara Jabatan Imigresen yang disediakan, iaitu 1)Pusat tahanan Juru, Pulau Pinang; 2)Macap, Johor; 3)Kemayan, Negeri Sembilan; 4)Pekan Nenas, Johor; 5)Tanah Merah, Kelantan; 6)Langkap, Perak; 7)Semenyih, Selangor; dan 8)Lenggeng,

Negeri Sembilan. Kapasiti yang boleh ditampung oleh pusat-pusat tahanan ini pada satu-satu masa ialah seramai 12,000 orang.

Kos kerajaan untuk membiayai perjalanan pulang pendatang asing tanpa izin ke negara asal masing-masing sepanjang tahun 1996 ialah RM1.3 juta dan RM11,836,498 bagi menyediakan keperluan makanan mereka serta perbelanjaan untuk tujuan pengurusan. Manakala penyelenggaraan bangunan depot tahanan memakan belanja sebanyak RM 835,091. Jumlah kesemuanya hampir RM14 juta.

Kerajaan tidak menghadapi masalah dalam urusan penghantaran pulang pendatang Indonesia. Kerjasama yang baik dari kerajaan Indonesia dengan menyediakan kapal pengangkut dan menanggung separuh dari kos penghantaran pulang rakyatnya sangat di alu-alukan oleh kerajaan Malaysia. Program penghantaran pulang pendatang tanpa izin dari Indonesia menggunakan bot dari Pasir Gudang ke Surabaya dengan kos sebanyak RM 250 seorang dan juga dengan menggunakan kapal perang kerajaan Indonesia sebagai pengangkut pulang seperti awal tahun 1997 yang lalu di Johor. Baru-baru ini juga pada 25/7/97, seramai 1,535 pendatang Indonesia dibawa pulang dengan menggunakan kapal perang Indonesia. Walau bagaimanapun, di sebabkan oleh kegawatan ekonomi

yang dihadapi oleh negara-negara Asean buat masa ini, pada awal tahun 1998 ini, kemudahan penghantaran pulang pendatang Indonesia tidak disediakan lagi oleh kerajaan Indonesia. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah membuka tender kepada mana-mana syarikat yang sanggup mengenakan kos yang paling rendah.

Namun begitu masalah paling besar membabitkan pendatang Bangladesh kerana kos penghantaran pulang menggunakan kapal terbang dan melibatkan kos yang tinggi iaitu sebanyak RM1,100 seorang. Walau bagaimanapun kerajaan akan cuba membuat rundingan dengan negara asal pendatang supaya dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya bagi memudahkan pihak kerajaan Malaysia dalam proses penghantaran pulang pendatang ini.

4) Tindakan kerajaan bagi membendung pendatang asing tanpa izin.

Jabatan Imigresen telah menukuhkan pasukan penguatkuasa untuk mengesan serta menahan pekerja asing yang tidak berdaftar. Sebanyak 16 pasukan ditubuhkan di seluruh negara dengan kerjasama dari pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, anggota RELA dan

Angkatan Tentera Malaysia. Kos bagi melengkapkan pasukan ini memakan belanja sebanyak RM 10 juta.

Selain daripada itu, kerajaan Malaysia juga telah mendapatkan kerjasama dari kerajaan Thailand bagi mengawal sempadan Malaysia-Thailand dari ditembusi oleh pendatang asing tanpa izin ini. Kerajaan Thailand juga berjanji akan memperketatkan lagi pemeriksaan ke atas orang-orang yang keluar masuk ke negaranya. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga meminta kerajaan Indonesia dan Bangladesh untuk menghalang kemasukan rakyat mereka ke Malaysia menerusi Thailand.

Tindakan lain yang diambil ialah dengan melaksanakan Dasar Pemutihan terhadap pedatang asing tanpa izin ini. Dasar ini digunakan oleh kerajaan bagi mendaftarkan pekerja asing yang belum berdaftar dan memberi peluang kepada mereka untuk dihantar pulang setelah membayar denda yang telah ditetapkan. Dasar Pemutihan yang baru berakhir tahun lepas iaitu tahun 1996, bermula dari 15/8/96 sehingga 31/12/96 dan sekarang sedang berlangsung ialah di negeri Sabah yang akan berakhir pada 31/8/97 ini.

Tindakan selanjutnya ialah dengan melakukan operasi mengenal pasti pendatang asing tanpa izin. Operasi Nyah ini di kenali sebagai Ops

Nyah I dan Ops Nyah II. Operasi ini telah bermula sejak akhir tahun 1991 lagi. Ia dilakukan di beberapa buah negeri di seluruh Malaysia. Gerakan yang dikenali sebagai Ops Pintu iaitu pemeriksaan yang dilakukan dari rumah ke rumah, yang berkuatkuasa pada Januari, 1997 adalah bertujuan untuk mengesan pendatang asing yang tidak memiliki dokumen dan permit kerja yang sah.

5) Mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan pergantungan pihak majikan terhadap pekerja asing ialah menggalakkan sektor perkilangan beralih kepada teknologi pengeluaran yang tinggi yang mana dapat mengurangkan penggunaan buruh. Oleh itu, disarankan untuk menjadi sebuah negara yang maju, rakyat negara ini mestilah bersikap lebih terbuka mengenai teknologi baru bagi mengurangkan penggunaan buruh. Majikan sedikit demi sedikit mesti menyesuaikan penggunaan teknologi baru serta melatih pekerja separa mahir mengenai perubahan teknologi.

Kedua, dalam belanjawan tahun 1996, levi ke atas pekerja asing telah dinaikkan 100 peratus, kecuali pembantu rumah asing dan pekerja

ladang tidak mahir. Ketiganya, menggalakkan penggunaan tenaga wanita tempatan dengan menyediakan kemudahan taman asuhan di tempat kerja.

6) Menjaga peluang pekerjaan buat warga Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi bagi Jawatankuasa Pekerja Asing, akan memastikan keutamaan diberi kepada rakyat Malaysia bagi semua jenis peluang pekerjaan terutamanya untuk generasi muda. Antara beberapa langkah yang diambil ialah dengan mengenakan hukuman sekiranya majikan memberhentikan pekerja tempatan dengan menggantikannya dengan pekerja asing. Majikan harus mencari pekerja tempatan dahulu sebelum dibenarkan mengambil pekerja asing.